

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA  
MERICAN  
(KEPALA BATAS)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 07.04.2015**

**Y.B. DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN [ KEPALA  
BATAS ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sebab dan alasan  
kegagalan pengwujudan Islamic Mega Bank (CIMB-RHB Capital-MBSB).  
Apakah ianya memberikan kesan kepada cita-cita Malaysia menjadi antara  
peneraju perbankan Islam di dunia.

**JAWAPAN**

Keputusan untuk memberhentikan cadangan penggabungan CIMB,  
RHB Capital dan MSSB dibuat oleh ketiga-tiga bank tanpa penglibatan

Kerajaan. Kesan daripada keputusan ini tidak menjejaskan kedudukan kukuh Malaysia sebagai pasaran kewangan Islam antarabangsa. Sebagai contoh, pemain pasaran sedia ada telah pun menjalankan urusan niaga merentas sempadan dan terus menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi Negara secara keseluruhannya.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, BNM telah merangka beberapa inisiatif dalam menyediakan persekitaran yang kondusif bagi operasi perniagaan institusi kewangan Islam, iaitu:

a. BNM telah mewujudkan rangka kerja perundangan dan pengawalseliaan yang jelas bagi memacu pertumbuhan sektor kewangan Islam. Di samping pengiktirafan undang-undang oleh Akta Bank Negara Malaysia 2009 dan pelaksanaan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, kewujudan Jawatankuasa Pengharmonian Undang-undang merupakan inisiatif penting bagi menyemak secara objektif undang-undang yang berkaitan di Malaysia dan memastikan keefisienan pelaksanaan kewangan Islam. Sehingga kini, Jawatankuasa tersebut telah menyemak 17 undang-undang yang perlu ditambah baik

bagi mengelakkan sebarang halangan undang-undang dalam pelaksanaan kewangan Islam di Malaysia,

- b. Pelbagai langkah strategik bagi memajukan sistem kewangan Islam sedang giat dilaksanakan berdasarkan Pelan Tindakan Kewangan 2011-2020 yang diterbitkan oleh BNM. Matlamat utama pelan tindakan tersebut adalah menyediakan persekitaran yang lebih kondusif, menggalakkan kepelbagaian aktiviti perniagaan di kalangan para pemain industri, dan meningkatkan kemampuan Malaysia dalam, memudah cara aliran kewangan merentas sempadan,
- c. Dalam bidang Syariah, BNM telah mempelopori pendekatan berpusat tadbir urus Syariah dengan mewujudkan Majlis Penasihat Syariah. Model tadbir urus ini telah dicontohi oleh pelbagai negara luar termasuk Nigeria, Pakistan dan Oman. Malahan, dua orang cendekiawan Syariah negara telah dilantik sebagai ahli Lembaga Syariah Kebangsaan di negara Oman dan Nigeria. BNM juga giat mengeluarkan piawaian Syariah dan pengendalian operasi bagi kontrak-kontrak Syariah yang utama di dalam memastikan bank-bank Islam mengamalkan pengurusan risiko, tadbir urus, dan penzahiran maklumat yang utuh,
- d. Bagi melahirkan kepakaran tenaga kerja dalam bidang kewangan

Islam, INCEIF (International Centre for Education in Islamic Finance) telah ditubuhkan pada tahun 2006 sebagai satu-satunya universiti bertaraf global yang menawarkan program pasca-siswazah dalam pengkhususan bidang kewangan Islam. INCEIF telah berjaya menghasilkan 830 orang graduan dari 36 buah negara; dan

- e. Kerajaan dan pihak BNM juga memainkan peranan aktif dalam penerbitan sukuk bagi menyediakan tanda aras (benchmark) di pasaran sukuk dan memudahkan pengurusan mudah tunai (*liquidity management*) dalam sektor kewangan Islam. Sehingga bulan Disember 2014, sebanyak RM250.4 bilion sukuk terkumpul merupakan terbitan Kerajaan dan BNM. Jumlah ini mencakupi 41% daripada nilai keseluruhan pasaran sukuk di Malaysia.